

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1991/92

Oktober/November 1991

ZSE 261/2 - Geologi I

Masa : [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Jawab KESEMUA LIMA soalan. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan mineral pembentuk batuan? Jelaskan.

(20/100)

- (b) Ada beberapa KELAS SILIKAT. Lakarkan struktur kelas-kelas tersebut dan bahas ciri-ciri daripada 3 (tiga) kelas silikat.

(30/100)

- (c) Bincang mengenai jenis batuan terutama (i) yang didapati dalam kerak benua, (ii) yang di dalam kerak lautan, dan (iii) yang dalam mantel bumi.

(30/100)

- (d) Bagaimana boleh dibentuk lapisan evaporit yang ratusan meter ketebalannya?

(20/100)

2. Dalam kajian stratigrafi dan pemetaan geologi para pengkajinya menggunakan beberapa asas atau petua. Bincangkan asas atau petua tersebut.

(100/100)

3. Penentuan usia geologi daripada suatu jasad batuan boleh dibuat secara nisbi (relatif) atau secara muktamad. Bahas satu contoh yang menggunakan cara nisbi dan satu lagi dengan cara muktamad.

(100/100)

4. • Apakah ciri (-ciri) atau petunjuk (-petunjuk) bahawa suatu siri lapisan batuan sedimen telah mengalami canggaan? Lakarkan dan bincang 4 (empat) jenis canggaan pada lapisan batuan sedimen.

(100/100)

5. (a) Lakarkan bentuk-bentuk batuan igneus dan namakan.

(30/100)

- (b) Bagaimana boleh dipastikan bahawa sekeping lapisan basalt dalam jujukan sedimen wujud sebagai aliran lava atau sebagai sil?

(20/100)

- (c) Daripada magma induk boleh terbit berbagai jenis batuan igneus. Terangkan bagaimana ini boleh berlaku dan namakan 4 (empat) jenis batuan igneus yang lazim.

(50/100)

- oooOooo -